

**PEMBANGUNAN MODUL SEQUIN TOPIK REKA
BENTUK FESYEN, MATA PELAJARAN REKA
BENTUK DAN TEKNOLOGI
TINGKATAN SATU**

MASWANI BINTI ISMAIL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



**PEMBANGUNAN MODUL SEQUIN TOPIK REKA BENTUK FESYEN, MATA
PELAJARAN REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI TINGKATAN SATU**

MASWANI BINTI ISMAIL



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SAINS
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13 (hari bulan) 7 (bulan) 2022

i. Perakuan pelajar :

Saya, MASWANI BINTI ISMAIL, M20201000299, FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN MODUL SEQUIN TOPIK REKA BENTUK FESYEN, MATA PELAJARAN REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI TINGKATAN SATU

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF MADYA Ts DR CHE GHANI BIN CHE KOB (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBANGUNAN MODUL SEQUIN TOPIK REKA BENTUK FESYEN, MATA PELAJARAN REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI TINGKATAN SATU

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA SAINS PENDIDIKAN (TEKNIKAL DAN VOKASIONAL) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

13/7/2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA Ts. DR. CHE GHANI BIN CHE KOB
Jabatan Teknologi Kejuruteraan
Fakulti Teknikal dan Vokasional
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBANGUNAN MODUL SEQUIN TOPIK REKA BENTUK FESYEN, MATA
PELAJARAN REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI TINGKATAN SATU

No. Matrik / Matric's No.: M20201000299

Saya / I : MASWANI BINTI ISMAIL

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

u f a f
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 13/7/2022

Gh an
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. MADYA Ts. DR. CHE GHANI BIN CHE KOB
Jabatan Teknologi Kejuruteraan
Fakulti Teknikal dan Vokasional
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan.

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T atas petunjuk, limpah kurnia dan keizinanNya sehingga kajian ini berjaya diselesaikan mengikut perancangan pengajian. Jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya iaitu Profesor Madya Ts Dr. Che Ghani bin Che Kob atas kebijaksanaan memberi bimbingan, motivasi, kesabaran dan tunjuk ajar yang bermanfaat kepada saya sepanjang pengajian sehingga terhasilnya kajian ini. Titipan terima kasih dan penghargaan juga kepada Profesor Dr. Ramli Mustapha, Prof. Madya Dr. Arasinah Kamis, Dr. Nor Asimah Zakaria dan Prof. Madya Dr. Mohamed Nor Azhari Azman atas tunjuk ajar dan bantuan yang telah diberikan. Seterusnya penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah memberi peluang dan ruang kepada saya bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dengan meluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa. Penghargaan juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, JPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pakar Penilai, Warga Sekolah Menengah Kajian, JU RBT dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini. Terima kasih tak terhingga juga kepada suami tercinta En. Ahmad Bakri bin Mohammad Hashim yang banyak membantu, memahami, menyokong dan memberi semangat kepada saya sepanjang kajian dijalankan. Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa saya iaitu En Ismail bin Puteh dan Pn Asma binti Ramli yang selalu memberikan semangat serta tidak pernah lekang mendoakan kejayaan saya. Begitu juga kepada semua adik beradik saya, keluarga mertua saya dan saudara mara yang selalu mendoakan kemudahan dan kebaikan sepanjang perjalanan kajian ini. Sekalung penghargaan juga kepada Pn Siti Fatimah Kasmuri atas suntikan semangat, dorongan serta bantuan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Buat sahabat saya Pn Ana Azira dan Pn Siti Hairunnisa terima kasih atas sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada saya dalam menangani kekangan semasa kajian dijalankan. Tidak dilupakan juga rakan-rakan seperjuangan daripada UPSI dan UKM, rakan sekerja dan kenalan yang banyak membantu dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih semua.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangunkan modul m-pembelajaran bagi topik Reka Bentuk Fesyen, mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) tingkatan satu dan menilai kebolehgunaan modul daripada perspektif guru. Modul yang telah dibangunkan diberi nama Modul Sequin yang berbentuk laman sesawang dan web mudah alih. Isi kandungan modul direka bentuk berasaskan teori behaviorisme, konstruktivisme, beban kognitif dan pembelajaran multimedia. Pembangunan modul pula menggunakan model ADDIE dan penilaian kebolehgunaan modul ini dijalankan oleh guru-guru mata pelajaran RBT tingkatan satu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) daripada aspek bahasa, kurikulum, pedagogi dan multimedia serta kosmestik. Populasi kajian ini adalah 615 guru RBT dan sampel bagi kajian ini telah dipilih secara rawak mudah iaitu seramai 236 guru RBT berdasarkan jadual sample saiz Krejcie dan Morgan (1970). Modul Sequin ini telah disahkan dalam aspek kandungan oleh lima orang pakar dan mendapat kesahan yang tinggi dengan nilai I-CVI iaitu 1.0. Instrumen kajian ini terdiri daripada borang soal selidik, protokol temu bual separa struktur serta senarai semak pemerhatian. Kesemua instrumen mendapat kesahan daripada tiga orang pakar dalam bidang. Kebolehppercayaan soal selidik berdasarkan pekali *Alpha Cronbach* adalah $\alpha = 0.990$. Dapatan utama kajian menunjukkan guru-guru sangat setuju terhadap kebolehgunaan Modul Sequin dalam aspek bahasa ($M=4.52$, $SP=0.47$), kurikulum ($M=4.51$, $SP=0.45$), pedagogi ($M=4.50$, $SP=0.42$) serta multimedia dan kosmetik ($M=4.53$, $SP=0.45$). Ujian-t yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi guru berdasarkan jantina dan bidang pengkhususan mengenai kebolehgunaan modul. Begitu juga dengan ujian ANOVA yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi guru yang berbeza pengalaman bekerja terhadap kebolehgunaan modul. Data kuantitatif ini telah disokong oleh data temu bual di mana peserta kajian bersetuju bahawa modul tersebut mudah digunakan, menarik dan interaktif. Data pemerhatian juga turut menyokong data kuantitatif di mana responden kajian bersetuju bahawa modul ini berguna daripada aspek aktiviti pembelajaran yang relevan dan mudah diikuti serta visual yang menarik. Penilaian kefahaman pengguna juga diukur melalui kuiz dan pentaksiran formatif dalam bentuk latihan pengukuhan. Interaktif modul direka bentuk dengan mengadakan ruangan jom sembang. Kesimpulannya, Modul Sequin mempunyai nilai kebolehgunaan yang tinggi terutama dari aspek bahasa, isi kandungan, interaktiviti dan pentaksiran. Implikasi kajian menunjukkan Modul Sequin ini boleh diakses dan digunakan oleh guru RBT Tingkatan satu serta boleh dijadikan salah satu bahan bantu mengajar untuk topik Reka Bentuk Fesyen. Selain itu modul ini juga mampu mengekalkan perhatian murid di dalam kelas serta menarik minat murid untuk belajar mata pelajaran RBT terutama topik Reka Bentuk Fesyen.

MODUL SEQUIN DEVELOPMENT FASHION DESIGN TOPICS, FORM ONE DESIGN AND TECHNOLOGY SUBJECTS

ABSTRACT

This study aims to develop a m-learning module for the topic of Fashion Design, the subject of Design and Technology (RBT) form one and evaluate the usability of the module from a teacher's perspective. The module that has been developed is called the Modul Sequin which is in the form of a website and mobile web. The content of the module is designed based on behaviorism, constructivism, cognitive load and multimedia learning theory. The development of the module uses the ADDIE Model and the evaluation of the usability of this module is carried out by the form one RBT teachers in the Federal Territory of Kuala Lumpur (WPKL) from the aspects of language, curriculum, pedagogy, and multimedia and cosmetics. The population of this study is 615 RBT teachers and the sample for this study has been randomly selected which is a total of 236 RBT teachers based on Krejcie and Morgan's (1970) sample size table. The content of the Modul Sequin was verified by five experts and obtained a high validity with an I-CVI value of 1.0. The research instrument consists of a questionnaire, a semi-structured interview protocol and an observation checklist. All the instruments were validated by three experts. The reliability of the questionnaire based on Cronbach's Alpha coefficient is $\alpha = 0.990$. The main findings of the study show that the teachers strongly agree on the usability of Modul Sequin in terms of language ($M=4.52$, $SP=0.47$), curriculum ($M=4.51$, $SP=0.45$), pedagogy ($M=4.50$, $SP=0.42$), and multimedia and cosmetics ($M=4.53$, $SP=0.45$). The t-test conducted shows that there was no difference in teachers' perceptions based on gender and field of specialization regarding the usability of the module. Likewise with the ANOVA test which shows that there was no difference in the perception of teachers with different working experience towards the usability of the module. The quantitative data was supported by interview data where the participants agreed that the module was easy to use, interesting and interactive. The observational data also supports the quantitative data where the study respondents agree that this module is useful from the aspect of relevancy and easy-to-follow learning activities as well as interesting visuals. Evaluation of user understanding is also measured through quizzes and formative assessment in the form of reinforcement exercises. Interactive modules are designed by having a chat room. In conclusion, the Modul Sequin has a high usability value, especially from the aspects of language, content, interactivity and assessment. The implications of the study show that this Modul Sequin can be accessed and used by form one RBT teachers and can be used as one of the teaching aids for the topic of Fashion Design. In addition, this module is able to maintain students' attention in class and attract students' interest in learning RBT subjects, especially the topic of Fashion Design.

**SENARAI KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xxi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	12
1.4 Tujuan dan Objektif Kajian	17
1.5 Persoalan Kajian	18
1.6 Hipotesis	20
1.7 Kerangka Konseptual	21
1.8 Batasan Kajian	22
1.9 Kepentingan Kajian	22
1.10 Definisi Operasional	24
1.11 Kesimpulan	27





BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	28
2.2	Konsep dan Istilah	29
2.2.1	Pembelajaran Bermodul	29
2.2.2	M-Pembelajaran	34
2.2.3	Pembelajaran Berasaskan Multimedia	37
2.2.4	Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi	41
2.2.5	Topik Reka Bentuk Fesyen	46
2.3	Teori Pembelajaran	50
2.3.1	Teori Behaviorisme	50
2.3.2	Teori Konstruktivisme	53
2.3.3	Teori Beban Kognitif	56
2.3.4	Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia	58
2.4	Model-model Pembangunan Modul	59
2.5	Model ADDIE	66
2.6	Model-model Penilaian Modul	73
2.7	Teori Bersepadu Penerimaan dan Penggunaan Teknologi (UTAUT)	76
2.8	Kerangka Teori	82
2.9	Analisis Kajian Lepas	83
2.9.1	Pembelajaran Bermodul	83
2.9.2	M-Pembelajaran	85
2.9.3	Pembelajaran Berasaskan Multimedia	89
2.9.4	Persepsi Guru	94
2.10	Kesimpulan	98

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	100
3.2	Reka Bentuk Kajian	101
3.2.1	Prosedur Pembangunan Modul	101
3.3	Populasi dan Sampel	118
3.3.1	Populasi	118
3.3.2	Persampelan	118



3.4 Instrumen	123
3.4.1 Fasa Analisis	125
3.4.2 Fasa Pelaksanaan (Pengujian Modul)	127
3.4.3 Fasa Penilaian	133
3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan	137
3.5.1 Kesahan	138
3.5.2 Kebolehpercayaan	139
3.6 Pengumpulan Data	140
3.6.1 Prosedur Pengumpulan Data	140
3.6.2 Proses Pengumpulan Data	142
3.7 Kajian Rintis	145
3.8 Analisis Data	145
3.8.1 Analisis Data Kuantitatif	146
3.8.2 Analisis Data Kualitatif	153
3.9 Kesimpulan	154

BAB 4 TATACARA PEMBANGUNAN MODUL

4.1 Pengenalan	155
4.2 Model Reka Bentuk ADDIE	156
4.3 Pembangunan Modul Sequin	156
4.3.1 Fasa Analisis	158
4.3.2 Fasa Reka Bentuk	182
4.3.3 Fasa Pembangunan	199
4.3.4 Fasa Pelaksanaan	220
4.3.5 Fasa Penilaian	222
4.4 Kesimpulan	223

BAB 5 DAPATAN KAJIAN

5.1 Pengenalan	225
5.2 Fasa Analisis	226
5.3 Fasa Pelaksanaan	226
5.3.1 Kesahan Pakar	226

5.4 Fasa Penilaian	240
5.4.1 Data Kuantitatif	240
5.4.2 Data Kualitatif	264
5.5 Kesimpulan	291

BAB 6 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

6.1 Pengenalan	292
6.2 Ringkasan Dapatan Kajian	293
6.3 Perbincangan Hasil Dapatan	298
6.3.1 Pembangunan Modul Sequin	298
6.3.2 Kebolegunaan Modul Sequin	302
6.3.3 Persepsi Guru	315
6.4 Implikasi	319
6.5 Cadangan Kajian Lanjutan	322
6.6 Kesimpulan	323

RUJUKAN

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1	Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi 43
2.2	Standard Kandungan dalam RBT 44
2.3	Tafsiran Umum Tahap Penguasaan Reka Bentuk dan Teknologi 45
2.4	Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Reka Bentuk Fesyen 47
2.5	Standard Prestasi Reka Bentuk Fesyen 49
2.6	Prosedur Reka Bentuk Instruksional Oleh ADDIE 72
2.7	Empat asas Penentu Model UTAUT 78
3.1	Peringkat Penggunaan Sampel Kajian 120
3.2	Kriteria Pemilihan Pakar 122
3.3	Jenis Instrumen Pembangunan Modul Sequin 125
3.4	Nilai Min bagi Borang Kerlip 1 127
3.5	Nilai min bagi kesahan muka, kandungan dan media dan teknologi 128
3.6	Nilai Min untuk Borang Glitter 2 129
3.7	Nilai Min bagi Soal Selidik (Borang Kerlip II) 130
3.8	Instrumen Soal Selidik (Borang Kerlip II) 131
3.9	Instrumen Soalan Temu Bual (Borang Shine) 132
3.10	Instrumen Senarai Semak Pemerhatian (Borang Diamond) 132
3.11	Keperluan Instrumen mengikut fasa 136
3.12	Pekali Saiz <i>Cronbach Coefficient Alpha</i> (α) (Peraturan Umum) 149
3.13	Rumusan Ujian Statistik Analisis Data Kuantitatif 152



4.1	Fasa dan Metodologi Model ADDIE	157
4.2	Hasil Analisis Dokumen	162
4.3	Demografi Responden	163
4.4	Kemahiran, kekerapan dan penggunaan peranti elektronik.	164
4.5	Tujuan melayari internet.	164
4.6	Persepsi tentang m-pembelajaran.	165
4.7	Faktor kesesuaian m-pembelajaran di sekolah.	166
4.8	Strategi yang diperlukan dalam modul m-pembelajaran	167
4.9	Cadangan aktiviti dalam m-pembelajaran	167
4.10	Elemen Modul Sequin hasil daripada kajian analisis keperluan	168
4.11	Strategi yang digunakan dalam pembangunan Modul Sequin	169
4.12	Aplikasi teori pembelajaran di dalam Modul Sequin	175
4.13	Jenis Perisian	177
4.14	Fasa Analisis	181
4.15	Papan cerita Modul Sequin	194
4.16	Peralatan pembangunan Modul Sequin	198
4.17	Jenis latar belakang di dalam Modul Sequin	201
4.18	Jenis dan saiz fon yang terdapat di dalam Modul Sequin	203
5.1	Profil Pakar Penilai Bahasa, Kandungan dan	227
5.2	Nilai CVI Penilaian Bahasa Modul Sequin	230
5.3	Nilai CVI Penilaian Kandungan Modul Sequin	230
5.4	Nilai CVI Penilaian Multimedia Modul Sequin	230
5.5	Bilangan pakar dan implikasinya terhadap skor CVI yang boleh diterima	233
5.6	Profil Pakar Penilai Instrumen	233
5.7	Skor Peratusan Pakar Kesahan Instrumen Soal Selidik (Borang Kerlip II)	234



5.8	Jumlah Pakar dan Peratusan Kesahan Kandungan Instrumen Soal Selidik	235
5.9	Skor Peratusan Pakar Kesahan Instrumen Soalan Temubual Separa Struktur (Borang Shine)	236
5.10	Jumlah Pakar dan Peratusan Kesahan Kandungan Instrumen Soalan Temu bual Separa Struktur (Borang Shine)	236
5.11	Skor Peratusan Pakar Kesahan Instrumen Senarai Semak Pemerhatian (Borang Diamond)	237
5.12	Jumlah Pakar dan Peratusan Kesahan Kandungan Instrumen Senarai Semak Pemerhatian (Borang Diamond)	238
5.13	Pekali Alpha Cronbach (α) Borang Kerlip II daripada kajian rintis	239
5.14	Demografi responden	241
5.15	Demografi kecenderungan responden terhadap penggunaan peranti elektronik untuk melayari Modul Sequin	242
5.16	Bacaan Nilai Skewness dan Kurtosis	244
5.17	Skor Min Kebolegunaan Modul Sequin daripada Aspek Bahasa	246
5.18	Skor Min Kebolegunaan Modul Sequin daripada Aspek Kurikulum	248
5.19	Skor Min Kebolegunaan Modul Sequin daripada Aspek Pedagogi	250
5.20	Skor Min Kebolegunaan Modul Sequin daripada Aspek Multimedia dan Kosmetik	253
5.21	Skor min kebolegunaan Modul Sequin mengikut konstruk	254
5.22	Skor min kebolegunaan Modul Sequin mengikut jantina	255
5.23	Keputusan Ujian-T Perbezaan Jantina terhadap Kebolegunaan Modul Sequin	257
5.24	Skor Min Kebolegunaan Modul Sequin Mengikut Pengkhususan Bidang	258
5.25	Keputusan Ujian-T Perbezaan bidang Pengkhususan terhadap Kebolegunaan Modul Sequin	260
5.26	Skor Min Kebolegunaan Modul Mengikut Pengalaman Bekerja	262
5.27	Keputusan Ujian ANOVA Satu Hala Perbezaan Pengalaman Bekerja terhadap Kebolegunaan Modul Sequin	263
5.28	Bilangan responden menggunakan instrumen data kualitatif	265



5.29	Analisis Senarai Semak Pemerhatian terhadap penggunaan Modul Sequin oleh Guru Mata Pelajaran RBT Tingkatan 1	288
------	--	-----



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1. Kerangka Konseptual Pembangunan Modul Sequin, Reka Bentuk Fesyen Subjek RBT Tingkatan 1	21
2.1. Prinsip pembinaan bahan multimedia di dalam Modul Sequin	40
2.2. Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia. Diadaptasi dari Mayer, 2014	59
2.3. Prosedur Model ASSURE	61
2.4. Proses Pembinaan Modul Pendekatan Sharifah Alwiah Alsagoff (1981)	63
2.5. Model Pembinaan Modul Sidek	65
2.6. Konsep ADDIE	68
2.7. Proses Technology Acceptance Model (TAM)	74
2.8. Teknologi dalam persekitaran pembelajaran Model TUP	76
2.9. Teori Bersepadu Penerimaan dan Penggunaan Tekonologi (UTAUT)	79
2.10. Kerangka Teori Pembangunan Modul Sequin, Reka Bentuk Fesyen Subjek RBT Tingkatan 1	82
3.1. Model ADDIE	102
3.2. Prosedur Pembangunan Modul Sequin	103
3.3. Fasa 1 Analisis (Analysis)	106
3.4. Keperluan Teknikal Modul Sequin	108
3.5. Reka Bentuk Modul Sequin	108
3.6. Fasa Reka Bentuk (Design)	109
3.7. Langkah Pembangunan Modul Sequin	111
3.8. Fasa Pembangunan (Development)	112





3.9.	Fasa Pelaksanaan (Implementation)	114
3.10.	Penilaian Pembangunan Modul Sequin Mengikut Model ADDIE	116
3.11.	Fasa Penilaian (Evaluation)	117
3.12.	Prosedur Pengumpulan Data Kajian Pembangunan Modul Sequin	142
3.13.	Proses Pengumpulan Data Kajian Pembangunan Modul Sequin	144
4.1.	Kuiz Permainan yang memaparkan markah setiap murid	170
4.2.	Penggunaan pelbagai jenis font, warna, gambar dan simbol	171
4.3.	Topik 5.2.4 Lakaran Reka Bentuk Fesyen	172
4.4.	Elemen Aktiviti dan Ruangan chat untuk berkomunikasi	173
4.5.	Video Langkah Penghasilan Reka Bentuk Fesyen	174
4.6.	Perisian Wix	177
4.7.	Perisian Wordwall	178
4.8.	Adobe Photoshop CS6 (64bit)	179
4.9.	Perisian Canva	179
4.10.	Perisian Creatly	180
4.11.	Perisian Wandershare Filmora	180
4.12.	Carta Alir Paparan Hadapan Modul Sequin	183
4.13.	Carta Alir Menu Topik	184
4.14.	Carta Alir Menu Pentaksiran	185
4.15.	Carta Alir Menu Aktiviti	186
4.16.	Carta Alir Menu Kata Anda	187
4.17.	Rumusan Carta Alir Laman Sesawang Modul Sequin	188
4.18.	Antaramuka laman UTAMA	189
4.19.	Antaramuka pop-up	190
4.20.	Antaramuka untuk setiap topik	190



4.21. Antaramuka Elemen Pentaksiran	191
4.22. Antaramuka Elemen Aktiviti	191
4.23. Antaramuka Elemen Kata Anda	192
4.24. Antaramuka Elemen Hubungi	192
4.25. Templat perisian Wix.com	200
4.26. Imej yang diambil daripada sumber terbuka.	208
4.27. Imej yang terdapat di dalam perisian Wix.com	209
4.28. Imej yang diambil oleh pengkaji	209
4.29. Animasi untuk menunjukkan Teknik Cantuman dan Alatan	211
4.30. Animasi untuk Set Induksi	212
4.31. Animasi untuk Kuiz Permainan	212
4.32. Video Analisis Elemen Reka Bentuk Fesyen	213
4.33. Video Lakaran Reka Bentuk Fesyen	214
4.34. Mengedit video menggunakan perisian Wondershare Filmora	214
4.35. Buku Teks dan Buku Rujukan Mata Pelajaran RBT Tingkatan 1	216
4.36. Bahan dan produk reka bentuk fesyen	217
4.37. Ikon yang terdapat di dalam web mudah alih	218
4.38. Laman sesawang Modul Sequin	219
4.39. Web mudah alih Modul Sequin	219
4.40. Fasa Pelaksanaan	222



SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
AK	Aktiviti
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BBM	Bahan bantu mengajar
CLT	Teori Beban Kognitif
CLTM	Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia
Covid19	<i>Coronavirus Disease 2019</i>
CVI	<i>Content Validation Index</i>
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
DV	Pembolehubah bersandar
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
eRAS 2.0	<i>Educational Research Application System Versi 2.0</i>
Ho	Hipotesis Null
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
I-CVI	<i>Item - Content Validation Index</i>
IPG	Institut Pendidikan Guru
IR 4.0	Revolusi Industri 4.0
ISD	Reka Bentuk Sistem Instruksional
Isi	Isi Kandungan
IV	Pembolehubah bebas
JPWPKL	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
M-pembelajaran	Pembelajaran Mobil
OOTD	<i>Outfit Of The Day</i>
PAK 21	Pendidikan Alaf 21
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcara
PdPr	Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah
RBT	Reka Bentuk dan Teknologi
RMIC	<i>Research Management Innovation Centre</i>
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
RPT	Rancangan Pengajaran Tahunan
SAT	Pendekatan Sistem untuk Latihan
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
TAM	<i>Technology Acceptance Model</i>
TMK	Teknologi komunikasi dan maklumat
TVET	Pendidikan teknikal dan vokasional
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UNEVOC	<i>International Centre for Technical and Vocational Education and Training</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

UTAUT	<i>Theory of Acceptance and Use of The Technology</i>
WBK2030	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
2D	Dua Dimensi
3D	Tiga Dimensi

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Kajian Pusat Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), UPSI
- B Surat Kelulusan Kajian Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), KPM
- C Surat Kelulusan Kajian Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL)
- D Surat Lantikan Pakar Bahasa
- E Surat Lantikan Pakar Kandungan
- F Surat Lantikan Pakar Multimedia
- G Surat Lantikan Pakar Instrumen
- H Borang Soal Selidik Analisis Keperluan (Borang Kerlip I)
- I Borang Soal Selidik Pakar Penilai Bahasa
- J Borang Soal Selidik Pakar Penilai Kandungan
- K Borang Soal Selidik Pakar Penilai Multimedia
- L Borang Soal Selidik Pakar Penilai Instrumen
- M Borang Soal Selidik (Borang Kerlip II)
- N Soalan Temu Bual Separa Struktur (Borang Shine)
- O Senarai Semak Pemerhatian (Borang Diamond)

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kemajuan teknologi yang berkembang pesat pada hari ini telah memberi banyak perubahan kepada semua aspek pembangunan di seluruh dunia termasuk sistem pendidikan. Kepesatan teknologi ini telah memberi kelancaran aliran kerja yang efisien, memudahkan proses sesuatu sistem dan meningkatkan kualiti dan kuantiti penghasilan (Ahmad Zaki Amiruddin et al, 2014). Perkembangan ini telah membuatkan semua sektor mula memandang serius terhadap keperluan teknologi termasuklah sektor pendidikan. Situasi ini dapat dilihat dari peringkat pra-sekolah sehingga ke institusi pengajian tinggi apabila proses pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) mula beralih kepada penggunaan teknologi.



Kini bidang pendidikan dalam proses mengadaptasikan era teknologi maklumat di mana ia mempunyai peranan penting terhadap pembangunan dan kemajuan negara. Justeru itu, pelbagai kaedah diperkenalkan dan digunakan supaya pembelajaran pelajar menjadi lebih bermakna, berkesan serta mantap, dan salah satu kaedah pembelajaran yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi tujuan pendidikan adalah m-pembelajaran ataupun pembelajaran mobil. Tujuan pembelajaran atas talian untuk membantu pelajar agar dapat memperolehi maklumat, menyesuaikan maklumat dan mengaplikasikannya (Abdul Razak Idris & Hafiza Akmal Yusoff, 2010) kerana murid abad ke-21 kini lebih gemar mempelajari kemahiran baharu berkaitan teknologi (Rafiza Abdul Razak, 2013). Malah pelajar akan berpengetahuan luas hasil pembelajaran terancang daripada sistem pendidikan lestari. Sesungguhnya ia bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Dunia kini telah berada di ambang Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) yang mana ia melibatkan teknologi automasi dan merupakan cabaran baharu kepada semua sektor di negara ini yang memerlukan mereka berubah dengan acuan transformasi digital itu untuk kekal berdaya saing (Dk. Nurul Ain Pg.Yahya et al., 2020). Sistem pendidikan di negara kita juga tidak ketinggalan dalam mengatur langkah bagi melalui strategi teknologi tinggi yang menyenaraikan IR 4.0 sebagai salah satu agenda yang perlu disediakan kepada murid agar seiring dengan kehendak negara. Bagi memastikan setiap objektif dapat dicapai, maksud Revolusi Industri (IR 4.0) ini perlu diperjelaskan kepada semua pelajar di seluruh negara. Dapatan kajian Mohd Syaubari



Othman & Ahmad Yunus Kassim (2018) menunjukkan pelajar semester enam Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh mempunyai tahap pengetahuan dan kesediaan yang sederhana terhadap revolusi IR 4.0. Oleh yang demikian usaha membuka mata dan minda pelajar mengenai revolusi ini perlu dipertingkatkan agar objektif negara dalam mencapai tahap negara maju akan tercapai.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenal pasti 11 anjakan yang perlu dilakukan bagi menghasilkan perubahan dalam pendidikan yang dihasratkan oleh semua rakyat Malaysia. Dalam anjakan ke 7 iaitu memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia dan lebih kepada penekanan penggunaan TMK oleh guru dan murid dalam PdPc. Dalam persekitaran persaingan global yang makin besar ini, penggunaan TMK terutama m-pembelajaran dalam PdPc bukan lagi sebagai pilihan alternatif sebaliknya ia merupakan satu kaedah utama dalam keberkesanan dan kemantapan PdPc dan pembelajaran dan pengajaran dari rumah (PdPr). Bagi membudayakan m-pembelajaran, kajian ini dilihat bersesuaian untuk memenuhi hasrat KPM.

Semua cabang dalam pendidikan kini berusaha untuk seiring dengan teknologi terkini termasuk juga bidang teknikal dan vokasional amnya dan reka bentuk fesyen khususnya. Bidang fesyen dijangka akan cepat berkembang berdasarkan perkembangan teknologi yang makin maju (Lovinski, 2008). Ini menunjukkan bahawa bidang fesyen yang semakin berkembang kini turut seiring dengan perubahan teknologi. Pengetahuan tentang fesyen juga bukan sekadar untuk keperluan harian, malah boleh dijadikan bidang untuk menjana pendapatan kerana terdapat banyak pekerjaan di dalam bidang



teknikal dalam pembuatan pakaian dan reka bentuk fesyen (Arasinah Kamis et al., 2014). Oleh yang demikian hal ini memperlihatkan bahawa reka bentuk fesyen merupakan satu bidang yang perlu diberi tumpuan bagi melahirkan ramai usahawan dan cerdik pandai di dalam bidang fesyen. Kajian ini dilihat bersesuaian dengan keperluan untuk mendekatkan murid dengan bidang reka bentuk fesyen disamping dapat menghasilkan graduan TVET yang berkualiti dan mempunyai nilai kebolehpasaran yang mana akan menjadi tulang belakang kepada pembangunan ekonomi negara.

1.2 Latar Belakang Kajian



Di negara maju, menyediakan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran teknikal menjadi tonggak pembangunan ekonomi mereka. Pada Abad ke 21 ini, dunia barat memandang penggunaan ilmu dan teknologi untuk industri pembuatan mempunyai kepentingan yang besar untuk daya saing di peringkat nasional mahupun antarabangsa (Çinar et al., 2009). Bila dilihat kepada negara kita Malaysia, pekerjaan yang memerlukan kemahiran teknikal, masih lagi menjadi pilihan terakhir walaupun bidang ini menawarkan gaji yang lumayan. Keadaan ini secara tidak langsung akan menjejaskan ekonomi negara kerana Malaysia kini berdepan dengan jumlah pekerja berkemahiran yang masih kurang serta terdapat ketidakpadanan pekerjaan dalam kalangan pekerja (Noor Atiqah Sulaiman, 2019).

Menyedari keadaan negara yang kekurangan tenaga mahir, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WBK2030) telah mensasarkan Malaysia akan melahirkan





35% tenaga kerja yang berkemahiran tinggi pada tahun 2030. Di samping itu juga sekurang-kurangnya 60% lepasan SPM melanjutkan pelajaran dalam bidang TVET merupakan salah satu sasaran yang terdapat dalam teras strategik tiga yang digariskan di dalam WBK2030 (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2019). WKB2030 merupakan satu dokumen yang menggariskan matlamat negara sepuluh tahun akan datang untuk penstrukturan semula ekonomi. Matlamat utama WBK2030 adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia menjelang tahun 2030. Ini menunjukkan kemahiran teknikal dan teknologi merupakan satu perkara yang harus dipandang serius dalam bidang pendidikan bagi melahirkan generasi yang mempunyai kemahiran yang tinggi menuju masa depan yang lestari.

Bertepatan dengan Pembangunan Pendidikan Lestari (*Education Sustainable*



Development, ESD) yang dilancarkan oleh UNESCO di mana Pembangunan

Pendidikan Lestari ini menyokong usaha untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap yang diperlukan untuk menyumbang kepada dunia yang lebih inklusif, adil, damai dan lestari. Pusat Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (UNESCO-UNEVOC), menyedari bahawa kejayaan keseluruhan Agenda 2030 bergantung pada belia dan orang dewasa yang dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran, dan kecekapan yang relevan untuk menyumbang kepada pencapaiannya (UNEVOC, 2020). Oleh yang demikian, pendidikan seharusnya mempromosikan pemikiran yang kritis, membayangkan senario masa depan dan membuat keputusan dengan cara kolaboratif dalam mendayakan pelajar untuk hidup dengan penuh tanggungjawab dalam mendepani cabaran global yang kompleks ini.





Pendidikan lestari turut menekankan aspek melengkapkan pelajar dengan kemahiran untuk kelangsungan hidup. Oleh yang demikian, memperkenalkan pelajar dengan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bukan lagi pilihan terakhir seperti yang dianggap oleh sesetengah masyarakat. TVET sering disalah anggap sebagai bidang yang menjadi pilihan terakhir dalam meneruskan pengajian (Mohd Jalil Ahmad et al., 2015). Sebaliknya di era IR 4.0 ia dilihat sebagai satu keperluan untuk mencapai agenda Malaysia dalam mengecapi status negara maju kerana bidang TVET bertujuan meningkatkan kecekapan modal insan berkemahiran terutama dalam sektor perindustrian (Muhd Khaizer Omar, 2020). Namun yang demikian, apa yang kita boleh contohi dengan negara-negara maju, pendidikan TVET ini adalah pendidikan perdana yang seiring dengan pendidikan saintifik yang sistematik. Korea Selatan, Singapura, dan China terus berusaha menempa nama dan memberi tumpuan kepada pengukuhan pendidikan di semua peringkat, termasuk dalam bidang TVET (Siti Nor Atiqah Abdul Padzil et al., 2011) dan hasilnya Republik Korea membangun dengan begitu pantas menjadi sebuah negara besar yang asalnya adalah sebuah negara yang musnah akibat peperangan (Mohd Jalil Ahmad et al., 2015). Justeru itu apa yang boleh kita lihat di sini, semua peringkat pendidikan merupakan elemen penting ke arah pembangunan dan kemajuan sesebuah negara dan bukannya tertumpu kepada satu peringkat sahaja. TVET bukan sahaja bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan berkemahiran tetapi turut membentuk individu yang dapat menyesuaikan diri dengan inovasi, kaedah komtemporari dan saintifik, mahir menyelesaikan masalah serta mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan (Anis Zakaria & Nur Aisyah Mhd Noor Asmara, 2017). Tetapi bagaimana tanggapan dan minda yang masih memandang TVET sebagai pendidikan kelas kedua?





Kurikulum TVET ini telah dilaksanakan di Malaysia seawal di sekolah rendah lagi iaitu dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT). Kemahiran asas dalam bidang teknikal, teknologi pertanian, sains rumah tangga dan elemen merentas kurikulum mula diperkenalkan kepada murid sekolah rendah (Ruzaini Hisyam Daud, 2017). Kemudian murid didedahkan dengan kemahiran ke peringkat lebih tinggi apabila berada di sekolah menengah rendah dan menengah atas seterusnya ke peringkat kolej vokasional. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015). Dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), mata pelajaran RBT diperkenalkan bagi menggantikan mata pelajaran Kemahiran Hidup Besepadu (KHB) dan antara objektif utama mata pelajaran RBT ini ialah murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran menggunakan peralatan, bahan dan perisian komputer yang sesuai dalam menghasilkan sesuatu produk. Ini menunjukkan bahawa kementerian telah mengambil langkah dalam memperkasakan murid dalam bidang TVET dari peringkat sekolah rendah dan menengah. Selain itu objektif mata pelajaran ini juga ialah memberi murid memperoleh pengetahuan dan nilai murni yang relevan untuk mereka bentuk sesuatu produk berasaskan teknologi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015). Keadaan ini memperlihatkan bahawa mata pelajaran RBT bukan sekadar berfokuskan kepada kemahiran tetapi ia seiring dengan pengetahuan teknologi dan penerapan nilai murni yang perlu dimiliki sebagai seorang insan. Setiap kurikulum baharu akan memberi cabaran kepada guru dan murid dalam cara penyampaian dan penerimaannya. McLain (2012), menyatakan bahawa subjek RBT ini mempunyai rangka pedagogi yang jelas dalam pengajaran kemahiran, namun terdapat guru yang masih kurang jelas dan





fokus terhadap perancangan pengajarannya kerana pengetahuan guru terhadap kurikulum RBT masih pada tahap sederhana. Sejauh mana kurikulum baharu ini memberi impak kepada murid adalah bergantung kepada kecekapan guru dalam mengadaptasi dengan mata pelajaran tersebut.

Reka bentuk fesyen adalah antara topik di dalam mata pelajaran RBT, di mana ia diterangkan di peringkat sekolah menengah. Bila disebut mengenai reka bentuk fesyen, masyarakat akan menganggap ia hanya pelajaran membuat pakaian. Kesannya mata pelajaran RBT amnya dan topik Reka Bentuk Fesyen khususnya akan dipandang enteng dan kurang diberi perhatian. Masyarakat masih menganggap kemahiran menjahit merupakan pendidikan yang kedua dalam kehidupan sebaliknya ia adalah kemahiran yang membolehkan seseorang memiliki kemahiran yang mendatangkan hasil yang lumayan (Laamanen, 2012). Tanggapan sebegini menjurus kepada kurangnya minat murid terhadap topik ini lebih-lebih lagi kepada murid lelaki dan kebanyakan pelajar reka bentuk fesyen ialah perempuan (Williams, 2018).

Pendidikan reka bentuk fesyen bukan sahaja tertumpu kepada pembinaan dan pemasangan pakaian, malah ia juga memberi pendedahan kepada murid tentang elemen pengeluaran komersial dan teknologi serta penggunaan, fesyen dalam industry (Faerm, 2012). Reka bentuk fesyen ini sebenarnya memberi peneguhan awal kepada pelajar tentang kemahiran dalam membina kerjaya mereka suatu hari nanti kerana pendedahan tentang sesuatu kemahiran ini mampu menimbulkan minat seseorang dalam membentuk kerjaya di masa akan datang. Skop, prospek dan peluang pekerjaan sangat besar kerana industri fesyen telah tersebar di banyak bidang lain (Reddy & Rajaram, 2015). Menurut Mashitah Sulaiman et al. (2020), perkembangan yang maju dalam





industri busana muslim, memberi keuntungan lumayan kepada industri fesyen kontemporari sehingga mendapat tempat di peringkat antarabangsa. Ini menunjukkan kemahiran dalam reka bentuk fesyen boleh membawa seseorang itu mendapat kerjaya yang mendatangkan hasil lumayan dan boleh diangkat ke persada dunia. Apa yang boleh dirumuskan di sini bahawa Pendidikan Reka Bentuk Fesyen bukan hanya kepada kemahiran memegang gunting dan kain malah ia mendidik murid tentang kemahiran teknologi dan komersial. Maka dengan itu, pengkaji terpanggil untuk membangunkan modul tentang topik Reka Bentuk Fesyen ini bagi memudahkan murid untuk belajar secara tidak langsung memberi pengetahuan dan persepsi baharu kepada ibubapa tentang mata pelajaran RBT amnya dan reka bentuk fesyen khususnya. Tanggapan tentang pendidikan kedua terhadap kemahiran dalam reka bentuk fesyen perlu dibuang dalam pemikiran masyarakat kita kerana industri ini berkembang dengan pesat.



Perubahan kurikulum juga perlu seiring dengan teknologi yang makin berkembang pesat ini. Jika dilihat kepada objektif mata pelajaran RBT, kemahiran dan teknologi merupakan tumpuan utama dalam mata pelajaran ini, maka pedagogi mata pelajaran ini juga harus serentak dengan era IR 4.0 yang didorong oleh revolusi digital melalui aplikasi sistem siber. Revolusi ke 4.0 adalah transformasi teknologi iaitu di mana penggunaan robot automatik dalam sistem pengeluaran (Nurain Badru & Shajianah Asman, 2020). Noor Hanim Harun et al. (2020), menyatakan keperluan pendidikan di era IR 4.0 adalah pendidikan yang berkualiti bagi melahirkan murid yang berdaya saing serta sanggup menempuh cabaran digital di masa akan datang untuk membangunkan negara. Ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu memperkasakan murid dan guru dengan penggunaan teknologi dalam aktiviti PdPc.





Menyusuri arus IR 4.0, semua urusan di hujung jari termasuk PdPc dan PdPr di mana murid dapat belajar mengikut kadar sendiri, dengan guru bertindak sebagai pemudah cara dan bukannya sebagai pembekal kandungan mata pelajaran secara langsung (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). PdPc di atas talian ataupun PdPr merupakan satu kaedah yang tidak asing lagi pada tahun 2021. Murid bersekolah di rumah menggunakan kaedah m-pembelajaran dan guru sebagai pemudahcara walau di mana sahaja dan membuatkan pendidikan bertambah mudah kepada semua orang kerana pendidikan bukan sahaja berlaku di sekolah. Situasi ini menggambarkan kepada kita bahawa pendidikan boleh berlaku di mana-mana sahaja.

Pembelajaran berasaskan *mobile learning* merupakan PdPc berbantuan peranti elektronik di mana ia diakses melalui telefon bimbit ataupun komputer riba. Perkara ini menunjukkan pendidikan formal bukan lagi belajar dengan memegang pen dan buku sebaliknya ia berlaku seiring peredaran teknologi seperti dengan hanya memegang telefon bimbit atau *tablets* sahaja. Komputer merupakan bahan bantu mengajar (BBM) yang paling disukai oleh murid dan mendorong murid untuk terus belajar (Nur Syafiqah Isa & Nurul Nazirah Mohd Imam Ma'arof, 2018). Namun begitu, para pendidik dan pelajar juga menghadapi cabaran dalam pengetahuan dan perkembangan ilmu baharu serta kemahiran ICT ini. Walaupun pembelajaran atas talian memberikan beberapa faedah yang membantu meningkatkan kualiti pendidikan dan mengembangkan persekitaran pembelajaran yang menarik, namun masih banyak cabaran dan masalah yang belum ditangani sepenuhnya serta menghalang penerokaan dan pemanfaatan peluangnya (Norezza Mohd Taha, 2014). Oleh yang demikian guru disarankan senantiasa meningkat kemahiran dalam penggunaan ICT dalam menggunakan BBM berbentuk m-pembelajaran untuk memudahkan PdPr. Pendidikan masa kini lebih





kepada pembelajaran yang bersifat interaktif untuk membolehkan pelajar menambahkan ilmu pengetahuan walau di mana sahaja mereka berada dan bukan hanya di dalam kelas (Sa'adiah Mohamad et al., 2020). Kelemahan dalam kemahiran ICT akan mengakibatkan motivasi guru dan murid untuk menjalankan PdPr akan menurun.

Modul berbentuk m-pembelajaran merupakan salah satu bahan bantu mengajar yang boleh menyumbang kepada kejayaan sesuatu proses PdPc atau PdPr dijalankan antara murid dan guru. Kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan ICT sudah terbukti memberi kesan dan impak yang positif (Bujeng, 2019). Di kala dunia mengalami perubahan teknologi, BBM juga tidak terkecuali turut mengikut arus perkembangan teknologi. Sebagai seorang guru, seharusnya mempunyai tahap keperihatinan dan kepekaan yang tinggi terhadap persekitaran dalam menyediakan BBM agar proses PdPc berjalan dengan mantap dan berkesan. Cabaran getir pandemik Covid19 sesuatu yang tidak dijangka sehingga menyebabkan pembelajaran atas talian menjadi paradigma baharu dikalangan murid dan guru apabila sekolah ditutup. Keadaan ini telah menguji kreativiti guru dalam menyediakan BBM yang sesuai untuk PdPr. Kelemahan guru menyediakan BBM yang kreatif dan inovatif juga akan menyebabkan murid kurang berminat dengan PdPc atau PdPr dan sebaiknya guru perlu sentiasa mencari idea-idea baharu dalam menyediakan BBM. Terdapat guru yang tidak bersedia dengan BBM kerana kekurangan masa dan terbeban dengan kerja-kerja pengajaran dan perkhidmatan yang lain (Yahya Othman, 2009). Kesan daripada ini akan mengakibatkan aktiviti PdPc atau PdPr menjadi kurang menarik dan ke arah pembelajaran konvensional





Zaman semua murid lebih suka memegang telefon bimbit daripada buku, modul atau BBM juga harus seiring dengan perubahan ini dan keperluan modul m-pembelajaran dilihat sangat relevan pada masa ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian pembangunan modul m-pembelajaran adalah wajar untuk dijalankan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji membangunkan modul m-pembelajaran untuk topik Reka Bentuk Fesyen, subjek Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan 1. Pengkaji merasakan kajian ini adalah salah satu cara untuk menyokong usaha kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebuah negara digital. Kerajaan akan memperkenalkan inisiatif MYDevice di bawah kerangka MyDIGITAL dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia agar semua murid dapat mengakses peranti digital bagi melancarkan proses PdPc menjelang 2025 (Mohd Zaky Zainuddin et al., 2021). Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan bahawa modul m-pembelajaran merupakan BBM yang sesuai dipraktikkan dalam proses PdPc dan PdPr pada masa kini dan akan datang.

1.3 Penyataan Masalah

Dunia pendidikan di abad ke 21 sudah tidak menekankan kaedah 'chalk and talk' lagi tetapi lebih menjurus kepada TMK bagi melahirkan modal insan yang memenuhi kehendak pasaran kerjaya dunia. Oleh itu konsep m-pembelajaran diperkenalkan sebagai satu alternatif kepada aktiviti PdPc dan PdPr. Proses PdPc yang berunsurkan multimedia tidak lagi menjadi suatu perkara baharu dalam bidang pendidikan. Kajian ini ialah kajian pembangunan Modul Sequin (m-pembelajaran) topik Reka Bentuk Fesyen bagi mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi tingkatan satu. Bertepatan dengan zaman di mana generasi Y dan Z lebih cenderung untuk membaca dan mencari





maklumat melalui peranti elektronik berbanding buku. Revolusi internet menjadikan murid tidak lagi membaca buku atau ke perpustakaan untuk mendapatkan maklumat sebaliknya sumber membaca telah berubah menjadi laman web, e-buku, e-jurnal, e-majalah, e-mel, bilik sembang, blog pesanan segera dan dokumen multimedia yang lain (Hairol Kamal Ab. Rahman, 2017; Varga, 2020; Tereshchenko et al., 2020). Kesan daripada kemudahan mencari maklumat menggunakan peranti elektronik ini mengakibatkan murid kurang berminat terhadap buku terutama buku teks.

M-pembelajaran dilihat sebagai satu kaedah yang sangat sesuai di kala dunia sedang gerun dilanda pandemik Covid19. PdPr menjadi platform utama untuk di saat semua sekolah dan institusi pengajian ditutup. Kurikulum di negara kita juga mengalami penjajaran baharu ekoran pandemik ini di mana pendekatan pembelajaran teradun yang menggabungkan teknik pengajaran bersemuka dan tidak bersemuka menggunakan medium yang sesuai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Peruntukan masa KSSM untuk mata pelajaran RBT ialah selama dua jam seminggu, kini berubah menjadi minimum satu jam sahaja di dalam penjajaran baharu ini. Ini menunjukkan masa murid bersemuka dengan guru untuk aktiviti PdPc semakin berkurangan dan perkara ini mengakibatkan guru mengalami kekangan dalam membimbing murid menghasilkan projek reka bentuk yang mana ia merupakan keperluan dalam pentaksiran bilik darjah mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Proses PdPc mata pelajaran RBT memerlukan masa yang panjang mengikut keperluan aktiviti pembelajaran (Fatimah Anis Saifuddin, 2019). Hasil kajian Zamri Sahaat & Nurfaradilla Mohamad Nasri (2020), mendapati masa yang diperuntukan di dalam kelas dan bengkel untuk subjek RBT sebelum ini tidak mencukupi dan menyebabkan pelajar hanya mencapai kriteria minimum sahaja dalam





penghasilan projek reka bentuk. Ini memperlihatkan bahawa masa yang diperuntukkan untuk PdPc mata pelajaran RBT sudah tidak mencukupi sebelum pembelajaran teradun diperkenalkan lagi. Persoalan di sini adakah waktu PdPc kini dengan kaedah PdPc konvensional ini masih membolehkan murid melaksanakan projek reka bentuk di dalam kelas atau bengkel?

Bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian transformasi sistem pendidikan Malaysia guru-guru disaran untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran mengajar selaras dengan perubahan kurikulum. Guru perlu menguasai pedagogi pengajaran kemahiran agar berupaya berhadapan dengan zaman yang penuh dengan perubahan (Noraini Mohamed Noh et al., 2014). Penguasaan ilmu dalam mata pelajaran RBT oleh guru-guru yang mengajarnya masih pada tahap sederhana dan mereka juga masih belum menguasai kemahiran teknikal sepenuhnya dalam mata pelajaran tersebut (Mohamad Nurul Azmi et al., 2017; Zamri Sahaat & Nurfaradila Mohamad Nasri, 2020). Ini kerana terdapat juga guru yang bukan pengkhususan mengajar mata pelajaran RBT ini. Guru yang mengajar mata pelajaran baharu berhadapan masalah untuk menguasai kurikulum dan kandungan mata pelajaran yang seterusnya menjejaskan keberkesanan pendekatan semasa proses PdPc (Suyanto, 2017). Selain itu juga guru bukan pengkhususan ini mengamalkan pedagogi yang kurang kreatif, bersifat tradisional dan masih berpusatkan guru (Cathrine Masingan & Sabariah Sharif, 2019). Keadaan ini akan menyukarkan objektif dan keberkesanan PdPc tercapai mengikut DSKP yang ditetapkan.

Selain daripada guru kurang kemahiran dalam kurikulum RBT, guru juga dilihat lebih bergantung kepada buku teks RBT sahaja. Menurut Yahya Othman (2009),





kebanyakan guru berpendapat bahawa semua yang mereka ingin sampaikan kepada murid telah tersedia di dalam buku teks sehingga mereka terikat dengan penggunaannya. Maka kesan kebergantungan kepada penggunaan buku teks dilihat boleh mengurangkan kehendak guru menyediakan bahan bantu mengajar dan limitasi buku teks akan menyebabkan objektif pdpc tidak akan tercapai seperti yang disasarkan (Fakhrurrazzy Abu Yazid, 2016). Ini disokong oleh kajian Zamri Sahaat & Nurfaradilla Mohamad Nasri (2020) menyatakan guru tidak boleh bergantung kepada buku teks sahaja sebaliknya perlu mencari BBM lain seperti modul tambahan bagi mengelakkan aktiviti pengajaran yang dirancang tidak selari dengan tuntutan kurikulum. Terutama dalam topik Reka Bentuk Fesyen, murid memerlukan gambaran awal tentang asas reka bentuk fesyen yang mana ia memerlukan BBM selain buku teks seperti modul interaktif dan bahan maujud untuk mengukuhkan kefahaman murid sebelum menghasilkan reka bentuk fesyen. Pelajar sukar untuk memahami sesuatu konsep atau kemahiran terutamanya dalam amali mata pelajaran RBT sekiranya guru kurang kreatif dalam penyampaian isi pelajaran dan kemahiran semasa PdPc amali di dalam bilik darjah ataupun di bengkel (Zaiha Nabila Md Harun, 2014).

Isu pengurusan bengkel dan kekurangan peralatan juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan guru sukar membimbing murid menghasilkan projek reka bentuk dengan baik. Menurut Pheng (2011), bengkel-bengkel di sekolah tidak diurus secara sistematik oleh guru bengkel kerana sesetengah sekolah tidak menetapkan masa secara rasmi di dalam jadual induk sekolah agar guru-guru KHB dapat menguruskan dan menggunakan bengkel secara berkala. Masalah pengurusan bengkel ini berlanjutan sehingga subjek KHB digantikan dengan RBT. Selain itu, dalam konteks kekangan sumber ini, rata-rata bengkel RBT juga tidak mempunyai alatan yang mencukupi dan





BBM yang amat terhad sedangkan kebanyakan kerja amali pelajar perlu dijalankan secara individu, (Norezza Mohd Taha, 2014; Zamri Sahaat & Nurfaradila Mohamad Nasri, 2020). Akibat dari keadaan ini murid terpaksa melaksanakan amali atau projek reka bentuk secara berkumpulan besar kerana peralatan bengkel RBT disediakan tetapi tidak mencukupi untuk projek RBT secara individu (Norezza Mohd Taha, 2014). Oleh itu, kegagalan sekolah menyediakan alatan yang cukup di bengkel RBT akan mengakibatkan sesi pengajaran kerja amali tidak dapat berjalan dengan lancar (Ruzaini Hisyam Daud, 2017).

Menghasilkan reka bentuk fesyen merupakan satu aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh murid bagi mendapat tahap penguasaan yang baik dalam subjek RBT. Dalam menghasilkan reka bentuk fesyen, terdapat aktiviti membuat pola, menggunting dan menjahit. Hasil tinjauan Allsop & Cassidy (2019); Azizah Asar & Halizah Awang (2018), menunjukkan bahawa murid sukar untuk menghasilkan jahitan asas kerana kali pertama mempelajari kemahiran menjahit, disamping tidak mempunyai keyakinan untuk bereksperimen dengan teknik menggunting fabrik dan menjahit sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kelemahan menguasai pengetahuan dan kemahiran menjahit adalah berpunca daripada kaedah PdPc konvensional yang diamalkan selama ini tidak begitu menarik dan berkesan (Norazwa Danira Darusaram & Faridah Mariani Johari, 2013; Rohani Seman et al., 2017). Kajian Rohani Seman et al. (2017), juga mendapati permasalahan yang dihadapi oleh murid adalah kegagalan memahami pengetahuan dan kemahiran jahitan asas dan masa yang diambil oleh guru untuk memahamkan murid agak lama untuk menjahit teknik yang betul seterusnya mewujudkan beban kognitif semasa proses PdPc. Kesan daripada kesukaran menguasai kemahiran menjahit mengakibatkan murid hanya mencapai tahap



penguasaan yang minimum sahaja dan sukar untuk menghasilkan reka bentuk fesyen dengan tahap penguasaan terbaik. Dengan modul m-pembelajaran yang dibangunkan ini membolehkan PdPc dan PdPr senang dijalankan antara guru dan murid. Murid akan belajar secara mobil dan keadaan ini akan memberi pengalaman pertama kepada murid membina lakaran reka bentuk fesyen, mengenal jahitan asas sebelum memegang jarum dan benang secara nyata seterusnya dapat menghasilkan *mock-up* reka bentuk fesyen secara sendiri.

1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Tujuan Kajian

Kajian ini adalah untuk membangunkan Modul Sequin (m-pembelajaran) topik Reka Bentuk Fesyen bagi mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi tingkatan satu dan melihat kebolegunaan modul daripada persepsi guru yang mengajar mata pelajaran RBT tingkatan satu di sekolah menengah kebangsaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).

Objektif Kajian

Kajian dicadangkan ini berdasarkan objektif berikut;

1. Mengenal pasti keperluan elemen-elemen pembangunan modul m-pembelajaran topik Reka Bentuk Fesyen bagi mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi

2. Membangunkan Modul Sequin topik Reka Bentuk Fesyen bagi mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi tingkatan satu
3. Menilai kebolegunaan Modul Sequin berdasarkan persepsi dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi tingkatan satu
 - 3.1 Menilai kebolegunaan Modul Sequin berdasarkan persepsi dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran RBT mengikut jantina.
 - 3.2 Menilai kebolegunaan Modul Sequin berdasarkan persepsi dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran RBT mengikut bidang pengkhususan
 - 3.3 Menilai kebolegunaan Modul Sequin berdasarkan persepsi dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran RBT mengikut pengalaman bekerja

1.5 Persoalan Kajian

Kajian mempunyai persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah elemen-elemen yang diperlukan dalam pembangunan modul pembelajaran topik Reka Bentuk Fesyen bagi mata pelajaran RBT tingkatan satu?

2. Bagaimanakah Modul Sequin topik Reka Bentuk Fesyen bagi mata pelajaran RBT tingkatan satu ini dibangunkan?

3. Adakah Modul Sequin sesuai digunakan berdasarkan persepsi dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran RBT?

3.1 a) Apakah persepsi guru yang mengajar mata pelajaran RBT yang berlainan jantina terhadap tahap kebolehgunaan Modul Sequin?

b) Adakah terdapat perbezaan persepsi guru yang mengajar subjek RBT yang berlainan jantina terhadap kebolehgunaan Modul Sequin?

3.2 a) Apakah persepsi guru yang mengajar mata pelajaran RBT terhadap tahap kebolehgunaan Modul Sequin mengikut bidang pengkhususan?

b) Adakah terdapat perbezaan persepsi guru yang mengajar mata pelajaran RBT terhadap kebolehgunaan Modul Sequin mengikut bidang pengkhususan?

3.3 a) Apakah persepsi guru yang mengajar mata pelajaran RBT yang terhadap tahap kebolehgunaan Modul Sequin mengikut pengalaman bekerja?

b) Adakah terdapat perbezaan persepsi guru yang mengajar mata pelajaran RBT terhadap kebolehgunaan Modul Sequin mengikut pengalaman bekerja?

1.6 Hipotesis

Berdasarkan persoalan kajian, 3 hipotesis null yang telah dibentuk untuk menguji dapatan kajian.

Soalan kajian 3.1 (b), hipotesis yang dibentuk ialah;

H_o 1: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara persepsi guru berlainan jantina terhadap kebolehgunaan modul


Soalan kajian 3.2 (b), hipotesis yang dibentuk ialah;

H_o 2: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara persepsi guru mengikut bidang pengkhususan terhadap kebolehgunaan modul

Soalan kajian 3.3 (b), hipotesis yang dibentuk ialah;

H_o 3: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara persepsi guru mengikut pengalaman bekerja terhadap kebolehgunaan modul

1.7 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Pembangunan Modul Sequin, Reka Bentuk Fesyen Subjek RBT Tingkatan 1

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan iaitu kajian hanya berkaitan dengan pembinaan modul dan kebolegunaan Modul Sequin topik Reka Bentuk Fesyen bagi mata pelajaran RBT tingkatan satu. Sampel kajian adalah dikalangan guru RBT tingkatan satu di WPKL. Kajian melibatkan 235 orang guru di sekolah menengah kebangsaan di seluruh WPKL. Lokasi kajian dipilih hanya di WPKL kerana keperluan kajian yang memerlukan responden mempunyai jaringan internet yang baik untuk mengakses Modul Sequin.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah bagi membangunkan modul m-pembelajaran topik Reka Bentuk Fesyen mata pelajaran RBT tingkatan 1. Kajian ini bukan sekadar untuk menjawab persoalan kajian yang dikemukakan, malah memberi pengetahuan kepada guru RBT tentang kepentingan pembelajaran berasaskan modul sebagai bahan bantu mengajar selain buku teks. Selain itu juga kajian ini memberi pendedahan kepada guru tentang teori dan model pembelajaran yang boleh digunakan atau diaplikasikan dalam proses PdPc mahupun PdPr. Kajian ini juga memberi panduan kepada guru dalam proses meningkatkan kefahaman tentang tajuk Reka Bentuk Fesyen dalam menjalankan PdPc ataupun PdPr.

Modul ini juga boleh memberi penerangan yang lengkap serta kefahaman yang mendalam tentang reka bentuk fesyen kepada murid dengan mempelajarinya secara sendiri mahupun dengan bimbingan guru. Kajian ini juga turut memberi menarik minat murid untuk mempelajari mata pelajaran RBT amnya dan Reka Bentuk Fesyen



khususnya. Bersandarkan modul yang dibina ini, murid dapat menghasilkan reka bentuk fesyen di rumah atau di mana sahaja tanpa ke sekolah ataupun bengkel RBT. Selain itu modul ini juga merupakan modul mesra pengguna di mana ibubapa juga turut boleh memuat naik di telefon masing-masing dan memberi peluang kepada ibubapa untuk mengajar anak-anak mereka sekiranya memerlukan bimbingan di luar waktu PdPc atau PdPr. Ibubapa juga boleh turut membantu anak-anak dalam menghasilkan reka bentuk fesyen dengan berpandukan modul yang dibina ini. Secara tidak langsung keadaan ini membolehkan ibubapa memberi sokongan dan motivasi kepada murid untuk belajar di rumah atau di mana sahaja.

Kajian ini juga dapat membantu Bahagian Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membuat penambah baik kurikulum RBT pada masa akan datang dan merancang transformasi pendidikan sejajar perkembangan revolusi industri 4.0 yang semakin pantas berkembang. Kualiti pendidikan negara akan bertambah baik jika TMK digunakan kerana ia boleh meninggikan minat dan motivasi untuk belajar, disamping mempercepatkan proses belajar (Johari Hassan & Fazliana Rashida, 2011). Seterusnya kajian ini juga menjadi panduan kepada penyelidik lain yang berminat untuk membangunkan modul m-pembelajaran. Penyelidik lain boleh membuat rujukan dari segi keperluan modul, teori dan model pembangunan modul yang digunakan dan memberi idea baharu dalam membina bahan bantu mengajar.





1.10 Definisi Operasional

a) Modul

Secara istilah adalah sebagai satu atau lebih aktiviti yang dibentuk bagi menjelaskan, menghuraikan, memperincikan dan membincangkan topik tertentu secara bersistematik dan berturutan (Mohd Afifi Bahurudin Setambah, 2017)

Dalam kajian ini modul ialah rancangan pengajaran, aktiviti PdPc dan PdPr, bahan media dan latihan pengukuhan topik Reka Bentuk Fesyen subjek RBT yang disatukan di dalam sebuah laman sesawang dan web mudah alih di dalam peranti elektronik.

b) Modul Sequin

Secara istilah Modul Sequin adalah nama khas yang diberi untuk mewakili modul m-pembelajaran yang dibangunkan oleh pengkaji. Sequin atau dikenali sebagai labuci berbentuk kepingan kecil yang mempunyai pelbagai warna dan mempunyai sifat berkilau. Sequin ini sering dijadikan sebagai hiasan pada pakaian bagi menampakkan sesuatu pakaian itu lebih menarik, mewah dan berkualiti. Nama Sequin diambil bersempena sifatnya yang berkilau dan menyerlah membuatkan pengkaji merasakan nama Sequin ini sesuai dijadikan nama modul m-pembelajaran topik Reka Bentuk Fesyen.

Secara operasional Modul Sequin merupakan modul m-pembelajaran topik Reka Bentuk Fesyen mata pelajaran RBT tingkatan satu yang berbentuk laman sesawang dan web mudah alih di dalam peranti elektronik.





c) M-pembelajaran

Definisi istilah menurut Khutorskoi (2019), mengatakan m-pembelajaran bermaksud pembelajaran dengan penggunaan peralatan dan teknologi mudah alih seperti telefon pintar, tablet atau komputer riba.

M-pembelajaran dalam kajian ini merujuk kepada pembelajaran berbantuan peranti elektronik seperti telefon pintar, komputer riba dan tablets, berbentuk laman sesawang dan web mudah alih yang mudah diakses oleh guru dan murid bagi menyenangkan proses PdPc dan PdPr walaupun di mana sahaja mereka berada.

d) Multimedia

Multimedia merupakan suatu proses komunikasi interaktif berasaskan komputer yang merangkumi penggunaan media, audio visual, seperti teks, grafik, audio, video dan animasi (Salsidu et al., 2017)

Multimedia dalam konteks kajian ini ialah gabungan elemen teks, grafik dan visual, audio, video dan animasi yang dibentuk ke dalam modul m-pembelajaran bagi topik Reka Bentuk Fesyen bagi mata pelajaran RBT tingkatan satu.

e) Reka Bentuk Fesyen

Reka bentuk fesyen merupakan suatu proses atau bidang seni yang mengaplikasikan idea pada suatu reka bentuk atau rekaan pakaian atau aksesori (Salmiah Jaba et al., 2016)



Reka bentuk fesyen dalam kajian ini merupakan topik yang terdapat dalam buku teks RBT tingkatan 1 iaitu sub topik Bab 5.2 Aplikasi Teknologi : Reka Bentuk Fesyen. Topik ini membincangkan tentang definisi, kerjaya dalam reka bentuk fesyen, jenis reka bentuk fesyen, lakaran fesyen, kaedah cantuman, elemen reka bentuk fesyen dan penghasilan reka bentuk fesyen.

f) Bidang Pengkhususan

Secara istilah bidang pengkhususan merupakan bidang yang dipelajari oleh guru semasa mereka di universiti untuk mengajar di sekolah.

Dalam kajian ini, bidang pengkhususan berfokus kepada bidang teknikal dan vokasional (TVET) dan bukan bidang teknikal dan vokasional. Bidang teknikal dan vokasional yang dimaksudkan adalah guru yang mempunyai pengkhususan teknikal seperti dalam bidang KHB, RBT, Ekonomi Rumah Tangga (ERT) dan Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA) manakala bidang bukan teknikal adalah guru yang bergraduat dalam bidang selain daripada bidang yang dinyatakan di atas.

i) Kebolegunaan

Secara istilahnya kebolegunaan merujuk kepada keupayaan menggunakan sesuatu alat atau sistem yang telah dibangunkan.

Kebolegunaan dalam kajian ini didefinisikan sebagai keupayaan Modul Sequin yang dibangunkan dan dinilai dari aspek bahasa, pedagogi, kurikulum dan multimedia supaya sesuai dan boleh digunakan oleh murid tingkatan satu.

j) Kurikulum

Secara istilahnya ialah rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah atau institusi pendidikan untuk mencapai matlamat pendidikan.

Kurikulum di dalam kajian ini merujuk kepada kandungan topik Reka Bentuk Fesyen yang telah ditetapkan mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) mata pelajaran RBT Tingkatan 1

1.11 Kesimpulan

Bab 1 ini membincangkan tentang isu dan masalah yang timbul sehingga pengkaji merasakan bahawa pembangunan modul ini wajar untuk dibangunkan. Pengkaji juga menyatakan tujuan dan objektif yang ingin dicapai dalam pembangunan Modul Sequin ini iaitu melihat elemen-elemen yang diperlukan, pembangunan modul m-pembelajaran dan kebolegunaan modul yang dibangunkan. Apa yang kita boleh lihat dan simpulkan dari latar belakang kajian, modul m-pembelajaran adalah satu pendekatan wajar pada masa ini kerana pembelajaran masa kini boleh berlaku di mana-mana sahaja tanpa buku dan pen, antara guru dan murid dan bukannya hanya di sekolah sahaja. M-Pembelajaran ini dibincangkan secara terperinci di dalam bab 2 iaitu tinjauan literatur.